

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN SARAWAK KAMPUS SAMARAHAN  
FAKULTI SAINS PENTADBIRAN DAN PENGAJIAN POLISI  
2004

## **PENGURUSAN SAMPAH: SATU TINJAUAN DI MAJLIS DAERAH SRI AMAN (MDSA), SRI AMAN, SARAWAK**

KERTAS KERJA  
DISAMPAIKAN KEPADA PENYELARAS  
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM

SEBAGAI  
MEMENUHI SYARAT  
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM

DISEDIAKAN OLEH:  
**LIANG LIMAK @ MOHD. FIRDAUS ABDULLAH**  
(98174656)  
**ROBERT MEGONG**  
(99515047)  
**WINSTON KENNETH MAJIT**  
(99515214)  
**GANTI BALI**  
(99160930)  
**CHAIR ANGGA**  
(99160934)

## KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan .....	i
Senarai Jadual.....	iii
Senarai Lampiran.....	iv
Abstrak .....	v
<b>BAB 1: PENGENALAN.....</b>	<b>1</b>
Penyataan Masalah.....	1
Objektif.....	2
Masalah Kajian .....	2
Kepentingan.....	3
Metodologi Kajian .....	3
Definisi Konsep .....	4
Ulasan.....	5
Masalah-Masalah Pencemaran .....	6
Bandar Sri Aman.....	8
Majlis Daerah Sri Aman (MDSA) Sepintas Lalu.....	10
Fungsi MDSA.....	11
Bahagian Kesihatan Awam .....	12
<b>BAB 2: ULASAN KARYA TERPILIH .....</b>	<b>14</b>
Pengertian Alam Sekitar.....	14
Pencemaran Alam .....	14
Pencemaran Akibat Sampah.....	15

## **ABSTRAK**

Masalah pencemaran alam sekitar di negara ini semakin hari semakin merumitkan. Perdebatan mengenai masalah ini sering dijadikan isu sejak dahulu hingga kini. Semua lapisan masyarakat turut memperkatakannya, daripada pucuk pimpinan hinggalah kepada rakyat biasa. Bukan sekadar media-massa sahaja, malah pelbagai persidangan, seminar dan perhimpunan turut dijadikan gelanggang bagi menyatakan permasalahan alam sekitar. Deklarasi termasuk Deklarasi Langkawi dibuat bagi menarik perhatian umum. Namun begitu, masalah yang sekian lama bergema di tengah masyarakat dunia itu masih dibahaskan dan belum dapat di atasi dengan jitu.

Pencemaran alam sekitar dikatakan berpunca daripada kegiatan manusia. Salah satu daripada punca tersebut ialah sampah. Atas kesedaran itulah maka kajian ini dijalankan khusus untuk mengkaji sistem pengurusan sampah yang diamalkan di Malis Daerah Sri Aman, Sarawak iaitu satu badan ditubuhkan dengan tugasnya yang di antara lain untuk menjaga dan mengawal kebersihan di daerah tersebut. Turut dikaji ialah aspek pelaksanaan peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan sampah.

Sumber utama maklumat bagi kajian ini ialah temubual. Selain itu kaedah pemerhatian juga digunakan untuk mengumpul maklumat-maklumat yang diperlukan.

Hasil kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tahap kebersihan di daerah itu adalah memuaskan. Walau bagaimanapun masih banyak yang harus dilakukan oleh pihak majlis seperti mendidik orang ramai tentang perlunya menjaga kebersihan alam sekitar sekeliling mereka, memperhatikan gerakan pemungutan sampah dan sebagainya. Tindakan seperti ini akan dapat mengelakkan daerah tersebut daripada dicemari oleh sampah sarap.

## **1.1 PENGENALAN**

Masalah pencemaran alam sekitar di negara ini semakin hari bukan sahaja semakin meruncingkan malahan merumitkan pelbagai pihak. Perdebatan mengenai masalah ini sering dijadikan isu sejak dahulu sehingga kini. Semua lapisan masyarakat turut memperkatakannya, daripada pucuk pimpinan hinggalah kepada rakyat biasa. Bukan sekadar media massa sahaja, malah pelbagai persidangan, seminar dan perhimpunan turut dijadikan gelanggang bagi menyuarakan permasalahan alam sekitar. Deklarasi demi deklarasi termasuk Deklarasi Langkawi dibuat untuk menarik perhatian umum. Namun begitu, masalah yang sekian lama bergema di tengah masyarakat dunia masih dibahaskan dan masalah tersebut belum dapat diatasi dengan jitu.

Pencemaran alam sekitar dikatakan berpunca daripada kegiatan seharian manusia. Salah satu daripada punca tersebut ialah sampah. Atas kesedaran itulah maka kajian ini dijalankan khusus untuk mengkaji sistem pengurusan sampah yang diamalkan di MDSA, Sarawak iaitu satu badan yang ditubuhkan dengan tugasnya di antara lain untuk menjaga dan mengawal kebersihan di kawasan tersebut.

## **1.2 PENYATA MASALAH**

Contoh sampel masalah pengkajian dibuat di kawasan bandar Sri Aman

### **1.2.1. Masalah pembuangan**

- Sikap penjaja dalam membuang sampah
- Tempat pembuangan sampah yang tidak strategik

### **1.2.2. Masalah pemungutan**

- Kurang tenaga dan jentera kerja

## ULASAN KARYA TERPILIH

### **Pengertian Alam Sekitar**

Banyak takrifan (lihat Lowe et al [1980:38], Schnaiberg [1980:9], Bartelmus [1986:1] dan Boland [1986:GI.5]) mendefinisikan alam sekitar sebagai satu sistem yang mengandungi elemen-elemen bernyawa dan tidak bernyawa di mana elemen-elemen tersebut saling mempengaruhi di antara satu dengan yang lain.

### **Pencemaran Alam**

Abu Bakar Jaafar semasa membentangkan kertas kerjanya yang bertajuk “Perancangan dan Pengurusan Alam Sekitar: Satu Perspektif Menyeluruh” pada Bengkel Kesan Pembangunan Tanah Terhadap Alam Sekitar yang diadakan di Melaka pada 8 Oktober hingga 10 Oktober 1987 mendefinisikan pencemaran sebagai mana-mana unsur sama ada berbentuk jisim (bahan) atau jirim (tenaga) yang terlepas ke mana-mana segmen alam (sama ada udara, air, tanah atau mana-mana ekosistem setempat) membawa kesan-kesan sampingan yang tidak diingini iaitu menjejaskan mana-mana benda hidup, kecederaan atau gangguan terhadap kesihatan, menghalang segala aktiviti orang ramai, kemerosotan kualiti sumber-sumber alam dan kurangnya keselesaan dan kesejahteraan masyarakat amnya.

Dr. John Murray, seorang pencinta alam sekitar yang aktif dan sering memberi kuliah motivasi mengenai alam sekitar di University Ohio pada awal tahun 80-an, mengatakan bahawa pencemaran sering berlaku akibat kegiatan hidup manusia didorong oleh sikap suka memaksimumkan keuntungan dalam perniagaan, atau sikap mementingkan diri dalam usaha mencapai kepuasan hidup. Dengan kata lain, masalah pencemaran alam sekitar sangat dipengaruhi oleh sikap manusia. Selagi sikap tamak, mementingkan diri, bakhil dan tidak